

02/04/2001

Jabatan persuratan: Badan penyelamat buat rayuan

KUALA LUMPUR, Ahad - Badan Penyelamat Pengajian Melayu (BPPM) akan menghantar surat rayuan kepada Kementerian Pendidikan dan Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhubung keputusan meletakkan Jabatan Persuratan Melayu (JPM) di bawah Program Pengajian Bahasa, Budaya dan Kesusasteraan.

Pengerusi BPPM, Dr Harun Mat Piah, berkata tindakan itu diambil selepas lima usul yang dikemukakan melalui faks ditolak Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuwar Ali, semalam.

Beliau berkata, surat rayuan berkenaan akan menyertakan alasan penolakan penggabungan itu yang disifatkan akan menghalang mengembangkan bidang Pengajian Melayu.

"Kami sudah menghantar faksimile kepada pihak UKM tetapi mereka tetap dengan keputusan sebelum ini. Jadi kami akan menghantar surat rayuan termasuk sebab mengapa kami tidak bersetuju.

"Ini bagaimanapun tidak bermakna kami tidak menghormati Senat yang menjadi institusi tertinggi sesebuah universiti," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

BPPM dianggotai ahli akademik bidang pengajian Melayu dari pelbagai universiti.

Semalam, akhbar melaporkan Dr Anuwar Ali sebagai berkata, pihaknya tidak akan berganjak dengan keputusan menjadikan JPM sebagai Program Pengajian Melayu, berkuatkuasa sesi akademik 2002/2003.

Sehubungan itu, beliau menasihati semua pihak termasuk BPPM menghormati keputusan Senat 21 Mac lalu yang meluluskan pembentukan lima pusat pengajian di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK).

Di bawah penstrukturan semula, FSSK diwujudkan dengan menggabungkan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK), Fakulti Sains Pembangunan (FSP) dan Fakulti Pengajian Bahasa (FPB).

Berikutan itu, ramai ahli akademik dan pakar pengajian Melayu di UKM dan universiti tempatan lain membantah penggabungannya itu yang disifatkan tidak membantu memperkembang Pengajian Melayu.

Bagi menyatakan pandangan mereka, beberapa ahli akademik menubuhkan BPPM Jumaat lalu, dan menghantar lima usul kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad dan Dr Anuwar.

Antara usul berkenaan ialah Pengajian Melayu di UKM perlu disatukan dengan menggabungkan JPM dengan Jabatan Linguistik dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), menolak keputusan Senat UKM meletakkan JPM di bawah Pusat Pengajian Bahasa, Budaya dan Kesusasteraan; JPM tidak menolak penstrukturan semula FSJK tetapi tidak bersetuju dengan penstrukturan semula yang melemah dan merendahkan taraf Pengajian Melayu.

Dr Harun berkata, JPM yang ditubuhkan 25 tahun lalu wajar digabungkan dengan Jabatan Linguistik dan Atma dan bukannya FPB.

"Kami bimbang disiplin ilmu yang diletakkan di bawah PPM nanti tidak mampu membantu memperkembangkan Pengajian Melayu. Tambahan, sejak ditubuhkan, JPM tidak menunjukkan perkembangan menggalakkan dan boleh dikatakan gagal berbanding Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM)," katanya.

Mengenai permintaan Dr Anuwar supaya isu berkenaan diselesaikan secara dalaman, Dr Harun berkata, dalam keadaan sekarang tidak timbul istilah orang luar.

Menurutnya, ahli akademik akan bangkit sekiranya ada yang dirasakan

tidak betul, terutama membabitkan bidang pengajiannya, seperti yang berlaku dalam isu penutupan Pusat Asasi Sains UM, baru-baru ini.

"Waktu itu, semua orang menyatakan pandangan dan bersuara hingga pusat itu tidak jadi ditutup. Keadaannya sama seperti yang berlaku terhadap JPM.

"Oleh itu, tidak timbul orang asing atau luar kerana kami bersama-sama memperjuangkan Pengajian Melayu," katanya.

(END)